

## Graduan Tonggak Negara Masa Hadapan

Terakhir dikemaskini: Khamis, 28 November 2019 14:35 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 7

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Share



**SABTU, 23 NOVEMBER**  
- Para graduan Universiti Malaysia Sabah (UMS) bakal menjadi tonggak kekuatan dan cerminan kepada perkara yang bakal berlaku kepada negara pada masa hadapan.

Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah,

Tun Datuk Seru Panglima Haji Juhar Datuk Haji Mahiruddin berkata sedemikian kerana generasi lama bakal pergi dan akan meninggalkan generasi baru sebagai pewaris dan penerus kepada kegemilangan kepada bangsa dan negara.

“Sebagai bakal pemimpin kepada negara ini, para graduan haruslah peka dengan perubahan semasa.

“Jadilah individu yang positif dan berintegriti, dan dengan sikap yang utuh dan kental ini para graduan akan mampu untuk meneruskan kegemilangan negara Malaysia,” katanya ketika menyampaikan amanat bersempena dengan Majlis Konvokesyen UMS ke-21, hari ini.

Tambah beliau, ilmu sangat penting kepada masyarakat kerana individu yang mencari ilmu akan dipandang setinggi-tingginya sejak zaman berzaman serta menjadi rujukan kepada masyarakat di sekelilingnya.

Berlangsung di Dewan Canselor UMS, acara pengurniaan ijazah berlangsung dalam enam sidang, dengan Tun Juhan merasmikan majlis pada sidang pertama dan mengurniakan Ijazah Doktor Falsafah, Ijazah Sarjana, Ijazah Sarjana Muda Doktor Perubatan dan Diploma Pascasiswazah kepada 538 graduan.

(Artikel disediakan oleh Maxwell Atan Hillary Saing, Pelajar Tahun Tiga Program Komunikasi FKSW)